

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 1
RUANGAN : MUKA HADAPAN

KKM laksana pelan strategik kurangkan pengambilan gula mulai tahun ini

Oleh Mohd Nasaruddin Parzi
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kementerian Kesihatan (KKM) membangun dan melaksanakan satu pelan strategik bagi mengurangkan pengambilan gula dalam kalangan rakyat negara ini mulai tahun ini hingga 2025.

Pelan Strategik Mengurangkan Gula dalam Kalangan Rak-

yat Malaysia 2023- 2025 itu antara perkara dibincangkan dalam Mesyuarat Majlis Keselamatan Makanan dan Pemakanan Kebangsaan Ke-16 (MKMPK16) yang dipengerusikan Menteri Kesihatan, Dr Zaliha Mustafa, kelmarin.

Dalam satu kenyataan semalam, Dr Zaliha menegaskan, pelan strategik itu akan memabihkan tindakan 'multisektoral',

namun beliau tidak mengulas lanjut.

Mengikut laporan dikeluarkan Ogos tahun lalu, kerajaan membelanjakan RM3.91 billion setiap tahun untuk merawat penyakit tidak berjangkit (NCD), antara berkaitan kardiovaskular (serangan jantung, strok dan darah beku), diabetes dan kanser.

Nasional 4

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NASIONAL

Bentang usul laksana Pensijilan Makanan Selamat

Dari Muka 1

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata kos itu dikira berdasarkan kerugian produktiviti akibat ketidakhadiran, kedatangan ke tempat kerja dan kematian pramatang usia bekerja penduduk di Malaysia.

Laporan itu juga menyebut, kadar pengambilan gula yang sihat bagi orang dewasa Malaysia tidak boleh melebihi 50gm sehari, berdasarkan pengambilan kalori 2,000kcal.

Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) dan KMM turut menegaskan disebabkan peningkatan penyakit berkaitan NCD, ia boleh memberi kesan terhadap sistem kesihatan negara.

Laporan sebelum ini menyebut, Malaysia mempunyai jumlah penghidap penyakit kencing manis atau diabetes yang tertinggi di Asia dan kedua tertinggi di

dunia selepas Arab Saudi.

Pakar Perubatan Keluarga, Pusat Pengajian Sains Perubatan (PPSP) Universiti Sains Malaysia (USM), Dr Siti Suhaila Mohd Yusoff, berkata peningkatan bilangan angka bagi kes diabetes itu amat membimbangkan disebabkan hampir empat juta penduduk negara ini menghidap diabetes.

Beliau berkata, berdasarkan maklumat daripada Tinjauan Kebangsaan Kesihatan dan Morbiditi (NHMS) mendapati, peratusan pesakit diabetes di Malaysia meningkat daripada 13.4 peratus pada 2015 kepada 18.3 peratus pada 2019.

Laporan itu sekali gus menunjukkan satu dalam lima individu dewasa berusia 18 tahun ke atas menghidap penyakit diabetes

atau bersamaan dengan 3.9 juta penduduk Malaysia.

Sementara itu, Dr Zaliha berkata, MKMPK16 juga membentangkan usul pelaksanaan Pensijilan Makanan Selamat sebagai syarat perkhidmatan pembekalan makanan ketika mesyuarat dan majlis rasmi di semua fasiliti Kementerian di Putrajaya.



Dr Zaliha Mustafa

“Perkara ini perlu diperhalusi sebelum tindakan selanjutnya dilaksanakan,” katanya.

Katanya, mesyuarat turut dimaklumkan mengenai Dasar Keselamatan Makanan Kebangsaan, sistem pe-

mantauan secara dalam talian bagi Pelan Tindakan Pemakanan Kebangsaan Malaysia (MS-NPANM).

“Turut disentuh pelaksanaan perjanjian peringkat ASEAN berkaitan pemeriksaan dan pensi-

jian bagi produk makanan, pertawaran akuan nutrien baharu bagi asid lemak trans dan akuan fungsi baru bagi antioksidan daripada minyak sawit serta komitmen Industri dalam penghasilan produk makanan dengan pilihan lebih sihat.

“Mesyuarat ini akan dijadikan platform tepat untuk perbincangan dan penyelarasan aktiviti bagi menangani isu terkini keselamatan makanan dan pemakanan untuk meningkatkan penyampaian perkhidmatan bagi kesejahteraan rakyat Malaysia MADANI,” katanya.

Yang turut hadir Timbalan Menteri Kesihatan, Lukanisman Awang Sauni, 18 wakil kementerian dan agensi serta empat wakil pertubuhan bukan kerajaan iaitu Persekutuan Pekilang-Pekilang Malaysia (FMM), Gabungan Persatuan Pengguna Malaysia, Persatuan Pemakanan Malaysia dan Persatuan Kajian Obesiti Malaysia (MASO).

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 14
RUANGAN : RENCANA

Nikotin: Segera ke pangkal jalan

UIAM
BERHUKUM



Oleh
Dzulkipli Abdul Razak

TIDAK sampai pun seminggu apabila kawalan sebatian racun nikotin dinyahkan daripada kawalan Akta Racun 1952, pelbagai gejala serta derita mula dilaporkan. Mengikut satu sumber, ada pelajar mengalami serangan sawan serta meracau akibat menghisap rokok elektronik (e-rokok) atau vape. Melalui media sosial paparan video *Public Health Malaysia* menunjukkan pelajar berpakaian seragam sekolah menggunakan vape secara terbuka tanpa sebarang sekatan. Jika dahulu ini menjadi satu kesalahan undang-undang sebagaimana penghisap rokok, kini tiada lagi.

E-rokok terlepas daripada belenggu tersebut. Maka pelbagai kesan buruk mula dirasai termasuk muntah-muntah di dalam kelas, mengalami kekejangan otot serta sesak nafas. Semua ini diakui berkaitan dengan keracunan vape yang terkesan mengikut seorang guru yang terlibat memberi bantuan kepada pelajar di sekolah. Tandas sekolah menjadi sarang ujian penggunaan vape. Bermakna memerlukan lebih pengawasan dan terus mengambil masa para guru yang sudah pun sibuk dengan urusan profesional harian mereka. Memandangkan ini berlaku pada bulan puasa, membawa pelbagai lagi pertanyaan yang merunsingkan.

Apa pun, adakah tercepat melangkah membebaskan racun kepada khalayak ramai tanpa berfikir panjang? Yakni kurang perancangan teliti yang kini mengundang kerahannya sendiri. Walaupun keputusan pembebasan itu tepat dan wajar, ia masih songsang kerana diberitakan rang undang-undang (RUU) yang sepatutnya mendahului untuk melindungi khalayak daripada pembebasan nikotin,



PERNIAGAAN vape di negara ini hampir dibolot oleh satu kaum sahaja, namun seolah-olah tidak langsung diambil kira dalam mengurus dasar baharu melibatkan nikotin. - UTUSAN/FAISOL MUSTAFA

“Bilangan usia muda terjebak sudah pun meningkat, pasti akan melonjak lagi selepas ini.”

masih belum tersedia untuk pembentangan di Parlimen. Kini kononnya pada Mei ini pula.

Jika demikian, kenapa tergesa-gesa langkau hanya 24 jam untuk melakukan pembebasan ke atas keputusan yang telah pun mengambil sebulat suara oleh ahli lembaga racun dan juga dipersetujui pelbagai persatuan sekutu seluruh negara? Nampaknya melibatkan desakan kuasa mutlak menteri secara tidak demokratik serta tidak etika untuk menggagalkan maksud murni lembaga yang mewakili suara teramai.

Amat mengecewakan apabila kini kesan kepada kanak-kanak sekolah mula menyayat hari demi hari. Apa

lagi bagi ibu bapa yang tidak menduga kerana bergantung penuh harap akan kejujuran para profesional terlatih. Tetapi tidak kesampaian baik atas alasan apa jua sekalipun.

Termasuklah memungut cukai berjuta-juta ringgit kerana ramai masih nekad bahawa kesihatan itu tidak ternilai dan tiada tandingan harganya, apatah lagi menginsafi yang ia kurniaan Ilahi yang tidak boleh dijual-beli. Bahkan berdosa jika kesihatan diracuni atau dipermudahkan seumpama yang berlaku dalam melonggarkan kawalan dan edarannya nikotin tanpa bersandarkan ilmu tepat.

Lebih cenderung pula kepada nafsu politik dan pasaran tamak haloba. Tambahan dalam bulan puasa yang suci lagi mencucikan lebih ke arah memperkuatkan azam berhenti penggunaan tembakau apa jua bentuk. Bukan sebaliknya - melebarkan lagi tabiat hodoh. Sedangkan petua yang mustajab - mencegah lebih baik daripada merawat. Terutama jika tidak terdapat rawatan ataupun tidak berkesan terhadap ketagihan

nikotin dan tembakau amnya.

Umum diketahui, ketagihan adalah kemudaratan seluruh hidup dan boleh membawa maut pramatang bila-bila sahaja, melibatkan ribuan anak-anak muda setiap tahun. Oleh kerana itu jugalah, sememangnya tiada negara yang boleh mencegah 100 peratus menggunakan produk tembakau. Ini lumrah. Namun, tidak pula bermakna tiada negara yang lebih berjaya mencegah ketagihan berbanding Malaysia.

Misalnya, di rantau ASEAN, negara di utara dan selatan tanah air mempunyai rekod lebih memberangsang. Yakni Malaysia tercicir dan masih boleh memintakan pelbagai langkah utama yang memperkasa, bukan melonggarkan - kuat kuasa jika benar-benar mahu membela nasib rakyat khususnya yang disasar industri tembakau tempatan.

Dan kini vape pula menjadi pelurunya. Ia bukan satu kebetulan tetapi percaturan rapi industri penagihan apabila terlihat usaha agak goyah dan tidak bersungguh seperti mana jiran utara dan selatan sempadan. Maka

tidak hairanlah yang mereka berjaya dengan mudah sekali memesonkan individu berkuasa.

Umum juga mengetahui, perniagaan vape di negara ini hampir dibolot oleh satu kaum sahaja. Kebetulan lebih ramai penagih dadah berbahaya dalam kalangan kaum ini selain pengguna tegar tembakau. Malang hal ini seolah-olah tidak langsung diambil kira dalam mengurus dasar terbaru melibatkan nikotin. Lantas ini terus memburukkan lagi keadaan dalam kalangan kaum berkenaan, tatkala anak-anak di bangku sekolah turut 'tergoda' mencuba-cuba - satu umpan menarik untuk mula bergelombang dengan penagihan. Satu penegasan jangka panjang.

Apa yang nyata adalah bilangan usia muda terjebak sudah pun meningkat, pasti akan melonjak lagi selepas ini dan memerlukan lebih banyak lagi kutipan cukai bagi menampung perbelanjaan menyediakan pelbagai jenis rawatan serta pembelajaran. Ini belum mengambil kira soal-soal emosi dan kesihatan mental yang terganggu-gugat, mengancam hubungan dengan pihak-pihak lain termasuk jenayah serta kemaksian pelbagai rupa.

Pendek kata, penderaan ini tidak akan berkesudahan. Oleh itu, masanya sudah sampai untuk berbalik ke pangkal jalan. Bak kata pepatah, sesat jalan, balik ke pangkal jalan. Yakni menarik semula keputusan berbanding Malaysia. Penularan kemulut nikotin. Jangan tunggu Mei untuk 'penyelesaian' kerana sementara itu lebih ramai anak-anak kita terpedaya bertolak daripada keputusan yang kurang manusiawi.

Akhirnya, semoga pihak berwajib akan lebih bertanggungjawab dan penuh keinsafan atas sikap remeh, sama ada disedari atau tidak. Justeru, wajar juga meminta maaf semoga memupuk semula semangat bersama membela negara bangsa rakyat jelata.

PROFESOR Emeritus Tan Sri Dzulkipli Abdul Razak ialah Rektor Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM).

AKHBAR : THE STAR

MUKA SURAT : 12

RUANGAN : NATION

MOH to lead sugar reduction strategy for M'sians

KUALA LUMPUR: A strategic plan for reducing sugar intake among Malaysians is being rolled out, and it will involve multi-sectoral actions, says Health Minister Dr Zaliha Mustafa.

Dr Zaliha said she had announced the matter at the 16th National Food and Nutrition Safety Council (MKMPK) meeting, which she chaired, at the ministry's headquarters in Putrajaya on Tuesday.

She said the meeting on the plan, Strategic Plan for Reducing Sugar Among Malaysians (2023-2025), was also attended by Deputy Health Minister Lukanisman Awang Sauni, 18 representatives from various ministries and agencies, and four representatives from non-governmental organisations (NGOs).

The NGOs are the Federation of Malaysian Manufacturers (FMM), Federation of Malaysian Consumers Association (Fomca), Nutrition Society of Malaysia (NSM) and Malaysian Association for the Study of Obesity (Maso), Bernama reported.

"In the meeting, a motion was tabled on the implementation of the ministry's Safe Food Certification as a condition for the supply of food at official meetings and events at all ministry facilities in Putrajaya," she said in a statement yesterday.

Dr Zaliha said the matter needed to be refined before further action could be implemented.

She said the meeting was also informed about the National Food Safety Policy, the online monitoring system for the Malaysian National Nutrition Action Plan (MS-NPANM), the implementation of the Asean-level agreement concerning inspection and certification of food products, the gazette of new nutrient declarations for trans fatty acids and the declaration of new functions of antioxidants from palm oil, as well as the industry's commitment to the production of food products with healthier options.

"This meeting will be used as a platform for discussion and coordination of activities to deal with the latest issues of food safety and nutrition to improve service delivery for the well-being of the people of Malaysia Madani," she said.